

Headline	KONSEP SUBSIDI SILANG		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	112,705
Page No	82	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	377 cm ²
Journalist	Nasuha Badrul Huzaini	AdValue	RM 14,795
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,385



KONSEP SUBSIDI SILANG

■ *Kediaman mampu milik berharga dalam lingkungan RM70,000 hingga RM80,000 di kawasan bandar boleh dibina: Mustapha Kamal*

Nasuha Badrul Huzaini
nasuha@nstp.com.my

Petaling Jaya

Rumah mampu milik berharga dalam lingkungan RM70,000 hingga RM80,000 di kawasan bandar mampu dibina menerusi konsep subsidi silang, demikian menurut Tokoh Hartanah Bumiputera, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar.

Beliau yang juga Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan EMKAY menegaskan, walaupun kedengaran tidak masuk akal, cadangan itu boleh dipertimbangkan oleh kerajaan pusat, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemaju lain kerana ia mampu dilaksanakan.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai konsep berkenaan, Mustapha berkata, pe-



“**Jika projek ini dapat direalisasikan di bandar, kos untuk membina infrastruktur akan menjadi semakin kurang kerana sudah ada rangkaian jalan raya dan bekalan elektrik sedia ada**”

Mustapha Kamal Abu Bakar

dan dua bilik air.

“Manakala 40 peratus lagi masing-masing dikhaskan untuk pembinaan rumah dalam lingkungan RM300,000 dan pembinaan rumah yang tidak dikawal harganya (lebih mahal), manakala baki 10 peratus lagi dikhaskan untuk pembinaan lot kedai.

“Margin yang diperolehi daripada ketiga-tiga komponen ini boleh digunakan untuk membiayai rumah yang berharga RM70,000

itu. Ini adalah yang disebut sebagai berfikir di luar kotak,” katanya ketika ditemui pada sidang media di Menara Mustapha Kamal sempena sambutan ulangtahun ke-35 tahun Kumpulan EMKAY di sini, semalam.

Katanya, walaupun rumah mampu milik idaman itu dijual pada harga ‘rugi’, lokasi pembinaan masih menjadi aspek yang penting.

“Jika projek ini dapat direalisasikan di bandar, kos untuk membina infrastruktur akan menjadi semakin kurang kerana sudah ada rangkaian jalan raya dan bekalan elektrik sedia ada.

“Kos penjimatan ini dapat diserap untuk pembinaan rumah mampu milik. Selalunya, kos penjimatan ini akan kembali semula kepada pemaju sebagai untung tetapi saya hendak memulangkannya semula kepada pembeli,” katanya.

Beliau berpegang kepada pepatah ‘hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih’ dan menyifatkan cadangannya itu sebagai sesuatu yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh kerajaan.

“Cadangan ini perlu mendapat kerjasama baik daripada empat pihak utama yang terbabit iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, PBT dan pemaju.

“Ini kerana, jika ia berjaya direalisasikan, majoriti rakyat di negara ini boleh memiliki rumah. Saya meletakkan harga dalam lingkungan RM70,000 kerana inilah tahap kemampuan bagi mereka yang bergaji antara RM1,800 hingga RM2,000.

“Ini hanyalah idea, jika ada pihak yang mahu melaksanakannya, beri mereka peluang. Tetapi rumah mampu milik itu mesti dijual pada harga RM70,000, bukan RM300,000,” katanya.